



**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR  
YBHG PROF DATO' DR MOHAMAD KADIM SUAIDI  
SEMPENA  
AMANAT NAIB CANSOLOR 2017  
DI  
ARENA GEMILANG, DETAR PUTRA  
PADA  
25 JANUARI 2017**

## **#AWAL KALAM PEMBUKA BICARA**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Yang Berbahagia Datu Dr Hatta Solhi**

Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS

**Yang Berbahagia Datuk Syed Hussian Al-Junid**

Ahli Lembaga Pengarah UNIMAS

**Yang Berbahagia Prof Dr Lela Hj Su'ut**

Ahli Lembaga Pengarah UNIMAS

**Yang Berbahagia Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

**Yang Berbahagia Prof Dr Kopli Bujang**

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi

**Yang Berbahagia Prof Dr Wan Hashim Wan Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa

**Yang Berusaha Tuan Haji Abu Bakar Ibrahim**

Pendaftar

Pegawai-Pegawai Pengurusan Tertinggi UNIMAS

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah,

Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

1. Assalamualaikum w.b.t dan Salam UNIMASku

Sayang,

**Dari Bako ke Kampung Senari,  
Singgah ke Goebilt mencari ikan,  
Bertemu kita dengan izin Ilahi,  
Hubungan silaturrahim kita eratkan.**

2. Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah S.W.T, selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama lagi di Arena Gemilang, untuk menyempurnakan Majlis Amanat Naib Canselor 2017.

## **#BELASUNGKAWA PRO CANSOLOR**

3. Sebelum saya meneruskan amanat pada pagi ini, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan takziah kepada ahli keluarga Allahyarham Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan bin Haji Satem, mantan Ketua Menteri Sarawak merangkap Pro Canselor UNIMAS, yang telah kembali kerahmatullah pada 11 Januari 2017 yang lalu. Pemergian Allahyarham Datuk Patinggi Tan Sri, merupakan satu kehilangan besar kepada rakyat Sarawak dan juga warga UNIMAS.

4. Kepada yang beragama Islam, marilah kita sedekahkan bacaan Al-Fatihah kepada

Allahyarham. Manakala bagi yang bukan beragama Islam, diminta berdoa mengikut agama dan kepercayaan masing-masing. **Al-Fatihah.**

5. Amin Ya Rabbal Alamin, semoga roh Allahyarham Datuk Patinggi Tan Sri ditempatkan dalam kalangan orang yang soleh.

**# Video memperingati Pro Canselor dimainkan**

**#TEMA AMANAT**

6. Sempena sambutan 25 tahun Jubli Perak UNIMAS, tema amanat tahun ini ialah 'Merentasi dan Melangkaui 25 Tahun' (*25 Years and Beyond*).

7. Tema ini sangat signifikan dengan misi dan visi kita, untuk menjadi sebuah Universitas komprehensif abad ke-21. Dalam mengharungi cabaran dan tuntutan global pada ketika ini, adalah penting bagi warga Universiti untuk kembali memikirkan semula peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam organisasi yang kita sayangi ini.

8. Refleksi diri dan organisasi wajar dilaksanakan, khususnya selepas 25 tahun keberadaan UNIMAS sebagai nadi ilmu di Kota Samarahan dan Bumi Kenyalang. Kejayaan hari ini adalah hasil daripada usaha dan komitmen berterusan para pimpinan Universiti sejak awal penubuhannya.

9. Di kesempatan ini, ingin saya menyebut secara jelas bahawa kecemerlangan UNIMAS selama 25 tahun akan diteruskan. Saya percaya bahawa jika tiada pemimpin terdahulu maka UNIMAS tidak akan berada pada tahap kegemilangan pada hari ini. Justeru, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan mantan Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib-Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah, Ketua-ketua PTj serta semua staf, baik daripada Kumpulan Pelaksana, Kumpulan Pengurusan dan Profesional mahupun Kumpulan Akademik. Usaha yang tidak mengenal lelah insan-insan berjasa,



serta disokong seluruh warga kerja Universiti, tetap terpahat dalam lipatan memori dan juga sejarah UNIMAS.

10. Dari Rumah Setia, Taman Budaya di Bandar Kuching pada ketika itu, UNIMAS bermula dengan dua buah fakulti iaitu Fakulti Sains dan Teknologi Sumber dan Fakulti Sains Sosial. Selain itu, dua buah pusat sokongan akademik turut ditubuhkan iaitu Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia, dan Pusat Khidmat Maklumat Akademik. Sementara menunggu siapnya kampus sementara di Kota Samarahan, operasi pembelajaran dijalankan di Pusat Latihan Telekom, Semariang. Kampus Kota Samarahan

telah dilancarkan secara rasminya oleh Perdana Menteri pada ketika itu, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 31 Ogos 1993 bersempena dengan perayaan Hari Kebangsaan.

11. Keunggulan UNIMAS terserlah pada 9 Ogos 1997, apabila berlangsungnya Majlis Konvokesyen UNIMAS yang pertama di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Seramai 153 graduan perintis dari empat fakulti telah menerima ijazah masing-masing. Jumlah ini terdiri daripada 122 graduan prasiswazah dan 31 pascasiswazah.

12. Sesungguhnya, keunggulan UNIMAS sebagai salah sebuah Universiti Awam di negara ini, terus menyerlah dengan pemantapan prasarana pembelajaran, apabila berjaya dalam rundingan mendapatkan pembiayaan sebanyak RM745 juta daripada peruntukan inisiatif dua hala antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Jepun, untuk menyokong pembinaan Kampus Induk yang bersifat terbuka dengan kawasan seluas 1040 hektar. Perasmian bagi kerja-kerja pembinaan Kampus Induk telah disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Sarawak pada ketika itu, Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud pada 13 Mei 2002.

13. Pada 18 April 2006, Kampus Induk yang tersergam indah, luas dan terbesar di Sarawak, telah dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi. Disamping itu, Kampus Induk UNIMAS turut disenaraikan antara 10 kampus tercantik di Malaysia.

14. Berdasarkan pencapaian lepas, kita dapat menelusuri perkembangan UNIMAS daripada sebuah kampus kecil, menjadi sebuah kampus yang dikagumi. Kita yang bermula daripada 2 buah fakulti pada 1992, kini telah menjadi 9 buah fakulti pada tahun 2017. Semoga segala

perancangan dahulu dan kini, dapat direalisasikan dengan kesungguhan, kecekalan dan komitmen bersama daripada seluruh warga UNIMAS. Saya berharap, agar Universiti yang kita sayangi ini, dapat menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi contoh dan dirujuki, bukan hanya di Malaysia tetapi juga di peringkat global.

**Kota Samarahan bandar ilmu,  
Tempat berhimpun para cendekiawan,  
Terima kasih pimpinan terdahulu,  
Membawa UNIMAS ke mercu kejayaan.**

## **SAMBUTAN 25 TAHUN JUBLI PERAK UNIMAS**

15. Pada tahun ini, genap 25 tahun kewujudan UNIMAS di Bumi Kenyalang. Sejak penubuhannya pada 24 Disember 1992, UNIMAS telah melangkah jauh ke hadapan dalam merealisasikan visi dan misinya untuk menjadi sebuah Universiti pilihan, golongan pelajar dan akademik melalui pencapaian cemerlang dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan kesarjanaan.
16. Di usia sebegini, UNIMAS telah berjaya berada dalam kapasitinya yang tersendiri iaitu setara dengan institusi pengajian tinggi lain, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Sehubungan itu, sempena sambutan 25 Tahun Jubli Perak UNIMAS, adalah wajar bagi kita semua untuk menilai semula hala tuju Universiti serta peranan setiap warganya dalam memenuhi tuntutan dan keperluan masa kini.

### **# Video Pencapaian 25 Tahun #**

## **CABARAN 2017 YANG PERLU DITEMPUHI**

17. Pada hari ini, dalam mengurus dan mentadbir sebuah institusi pengajian tinggi, kita berdepan dengan pelbagai cabaran. Dengan keadaan ekonomi yang tidak menentu, kita harus memikirkan semula kaedah yang sesuai untuk mengurus sumber Universiti yang semakin terhad (*scarcity of the resources*).

18. Walau bagaimanapun, ini bukan bermakna kita harus mengorbankan kualiti perkhidmatan dan penyampaian, sama ada kepada pelajar mahupun masyarakat. Universiti perlu mengoptimumkan penggunaan sumber tenaga manusia, untuk memastikan setiap warga UNIMAS dapat menyumbang ke arah kecemerlangan Universiti.

19. Selain itu, Universiti juga perlu membuat penjajaran dan penambahbaikan dalam merealisasikan 10 lonjakan yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), PPPM (PT)



20. Disamping komitmen kita kepada Kerajaan Pusat, UNIMAS juga perlu memainkan peranan yang signifikan dalam membantu Kerajaan Negeri, yang juga merupakan pemegang taruh utama, yang mahu Universiti terlibat langsung dalam meningkatkan taraf pendidikan, sosio-ekonomi selain merangsang penyelidikan dalam bidang keutamaan di Sarawak.

21. Cabaran dahulu, kini dan masa hadapan tidak pernah serupa dan sentiasa berubah mengikut keperluan dan kehendak semasa. Kita sebagai hamba yang lemah di muka bumi ini, hanya mampu merancang dan berusaha, agar apa yang kita rancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kejayaan juga bukan datang bergolek, ia mesti disertai dengan usaha dan komitmen yang berterusan, khususnya daripada semua lapisan warga UNIMAS. Sehubungan itu, pada awal tahun baharu ini, marilah kita bersama-sama memperbaharui azam, dan mengukuhkan iltizam dan tekad, agar Universiti yang kita cintai ini, dapat mengharungi segala cabaran dan rintangan yang mendatang.

## **#IMBASAN KEJAYAAN 2016**

**Burung kenyalang hinggap di dahan,  
Terbang rendah di pohon rumbia,  
Kemasyhuran universiti menjadi harapan,  
Menjulung UNIMAS di persada dunia.**

22. Mengimbau kejayaan sepanjang Kalendar 2016, suka untuk saya menzahirkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada warga Universiti, yang telah banyak menyumbang dan mengharumkan nama UNIMAS. Sesungguhnya kejayaan merupakan pencapaian terbaik dalam memartabatkan dan menjulang nama Universiti ini.

23. Kejayaan sesebuah organisasi dan UNIMAS khususnya, bukan hanya sumbangan inividu, tetapi merupakan sumbangan seluruh warga kerja, tidak mengira pelajar, staf pelaksana, pegawai Pengurusan dan Profesional mahupun staf akademik.

24. Pada tahun 2016, statistik pelajar yang berdaftar di UNIMAS adalah seramai 17,484 orang bagi program pengajian prasiswazah yang terdiri daripada 17,264 pelajar tempatan dan 220 pelajar antarabangsa dari 52 buah negara. Manakala bagi pelajar pascasiswazah seramai 2,183 orang termasuk 562 pelajar antarabangsa dan 894 pelajar pra Universiti.

25. Dalam memperkasakan sistem pendidikan bertaraf global, UNIMAS turut tidak ketinggalan dalam menawarkan kursus *Massive Open Online Course* (MOOC) kepada pelajar dari seluruh dunia. Pada tahun lepas, sebanyak lapan buah kursus MOOCs telah dibangunkan, berbanding tiga seperti yang

disasarkan. Paling membanggakan kita, kursus MOOCs UNIMAS adalah yang ketiga paling popular dalam kalangan universiti awam di Malaysia, dan kita telah berjaya menarik minat 19,500 pelajar dari seluruh dunia. Pada tahun 2017, kita mensasarkan untuk membangunkan sembilan lagi kursus baharu MOOCs, agar visibiliti Universiti semakin terserlah.

26. Dalam memperkukuhkan jaringan kerjasama antara UNIMAS dan Universiti luar negara, pada awal Januari 2016, UNIMAS bersama Cornell University, USA telah bekerjasama menjayakan program *Service Learning* bersama komuniti setempat di Long Lamai dan Bario. Projek ini

melibatkan aktiviti pemuliharaan budaya, alam sekitar dan eko pelancongan. Program *Service Learning* kini telah pun dikembangkan dengan melibatkan lebih banyak komuniti setempat bersama staf dan pelajar UNIMAS.

27. Bagi memantapkan bidang pengajian bahasa di UNIMAS, satu ikatan kerjasama telah dirangka bagi menubuhkan *Confucius Institute for Chinese Language Studies* di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pengajian Komunikasi. Pada 3 Jun 2016 yang lepas, UNIMAS telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi *Yunnan University, China* yang diketuai oleh Prof Zhang Li, *Vice President Yunnan University*. Kita berharap

perjanjian persefahaman antara UNIMAS dan *Yunnan University* dapat dimeterai dalam masa terdekat. Penubuhan *Confucius Institute* di UNIMAS adalah satu pengiktirafan besar Kerajaan China terhadap potensi kerjasama yang bakal dibangunkan di antara UNIMAS dan *Yunnan University*.

## **CEO@Faculty Programme**

28. Penganjuran *CEO@Faculty Programme* yang melibatkan tokoh ternama, Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang telah menyampaikan syarahannya yang bertajuk 'Tranformasi

Perkhidmatan Awam' pada 27 Oktober 2016, telah berjaya menarik kehadiran 1,500 pegawai-pegawai dari agensi kerajaan negeri dan persekutuan. Disamping itu, Yang Berbahagia Datuk Badlisham Ghazali, Pengarah Urusan Malaysia Airports Holdings Berhad turut berkongsi pengalaman beliau kepada 4,000 pelajar dan masyarakat umum, mengenai kejayaannya dalam mengurus dan menerajui syarikat yang disenaraikan di Bursa KL serta bertaraf global. Kejayaan penganjuran kedua-dua Syarahan Perdana ini turut mendapat perhatian YB Menteri Pendidikan Tinggi, kerana mencatat rekod penyertaan paling ramai di Universiti Awam, sejak penganjuran *CEO@Faculty Programme* yang bermula pada



tahun 2015.

29. Selain itu kita juga telah mendapat perkenan daripada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud untuk mewujudkan Siri Syarahan Canselor (*Chancellor Lecture Series*) yang akan menjadi platform bagi tokoh-tokoh tersohor dalam bidang masing-masing untuk berkongsi ilmu dan kepakaran mereka dengan UNIMAS.

30. Visibiliti UNIMAS kini kian terserlah. Tahun lepas kita menyaksikan peningkatan yang begitu ketara dalam *Google Scholar*. Pada awal Januari 2016, hanya terdapat 1,795 bilangan rekod sumber

ilmu dalam IR UNIMAS yang diindeks oleh *Google Scholar*, berbanding 7,970 pada Januari 2017. Tambahan sebanyak 6,175 rekod merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan. Tahniah kepada semua.

31. Universiti juga mencatatkan kejayaan yang memberangsangkan di persada antarabangsa, khususnya daripada para penyelidik UNIMAS. Universiti berjaya membawa pulang sebanyak empat pingat emas, tiga pingat perak dan satu pingat gangsa pada ekspo produk penyelidikan di *Seoul International Invention Fair (SIIF 2016)* di Korea Selatan.

32. Selain itu, lima produk penyelidikan berjaya diketengahkan di *Malaysia Technology Expo 2016*. Para penyelidik kita berjaya membawa pulang dua pingat perak dan tiga pingat gangsa.

33. Persidangan *International Procoun'* 2016 yang diadakan pada Oktober lalu juga merupakan platform terbaik bagi ahli akademik dan pelajar untuk mendapatkan pendedahan serta pengalaman daripada pakar-pakar kaunseling. Melalui persidangan ini juga, UNIMAS telah mendapat persetujuan dari Kerajaan Negeri Sarawak untuk menawarkan Program Sains Kaunseling kepada 25 Pegawai Kerajaan Negeri dan program ini dijangka akan dijalankan pada

tahun ini juga.

34. Penganjuran InTEX'16 oleh UNIMAS INNOVATION pada Mei lepas telah mencatat rekod 240 penyertaan daripada luar dan dalam UNIMAS, dengan penglibatan sulung beberapa buah Universiti Awam yang lain.

35. Peningkatan *Malaysia Research Assesment* atau MyRA daripada 54% pada tahun 2015 kepada 59.6% (3 Bintang) pada tahun 2016, menghampiri status 4 bintang dengan hanya kekurangan 0.4% markah. Sehubungan itu, pada tahun ini kita perlu berkerja keras untuk mencapai sasaran empat bintang dengan mewujudkan instrumen dalaman

bagi menilai prestasi persediaan Fakulti/Pusat/Institut dalam menghadapi dan mematuhi kriteria yang digariskan oleh MyRA. Instrumen yang telah dibangunkan ini dijangka dapat membantu setiap Fakulti/Pusat/Institut berkongsi usaha ke arah MyRA. UNIMAS juga turut menyokong dalam menyalurkan dana bagi menyokong aktiviti-aktiviti penyelidikan di Fakulti/Institut selari dengan prestasi yang disumbangkan oleh pihak Fakulti/Institut dalam MyRA UNIMAS.

36. Ranking merupakan salah satu daripada kayu ukur umum dalam menilai pencapaian sesebuah universiti. Terdapat pelbagai bentuk sistem

ranking serta rating yang dilaksanakan ke atas UNIMAS sepanjang tahun. Meskipun UNIMAS dinilai pencapaiannya berasaskan kepada sistem penarafan yang dizahirkan oleh KPT iaitu MyRA, SETARA dan DSETARA. Pada peringkat antarabangsa, terdapat beberapa kaedah penarafan yang diguna pakai oleh pelbagai agensi yang berbeza untuk menilai sesebuah universiti. Antaranya *QS World and Asia University Rankings*, *CWTS Leiden Ranking*, *Academic Ranking of World Universities (ARWU)* dalam *Shanghai Jiatong Ranking*, *Ranking of the Universities of OIC Member Countries (SESRIC)* dan *Webometrics (Ranking Web of Universities)*.

37. Dalam *QS Asia University Rankings*, tahun lepas UNIMAS berada pada kedudukan 251-300, berbanding lebih kurang 4,000 buah Universiti di seluruh Asia. Selain itu, kita juga antara yang terbaik bagi indikator *Employer Reputation* dan *Academic Reputation* dalam kalangan Universiti awam di Malaysia. Sebenarnya, penilaian QS pada tahun semasa mengambil kira pencapaian sesebuah universiti bagi tempoh lima tahun kebelakang. Kita masih konsisten, namun memerlukan kerjasama dan komitmen daripada semua ahli akademik, khususnya dalam menyemarakkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan, yang berupaya menyokong aktiviti keserjanaan di UNIMAS. Kita perlu melihat secara

bersama, keperluan indikator-indikator QS bagi memastikan kedudukan UNIMAS dalam QS Rankings dapat dipertingkatkan pada tahun ini.

38. Dalam meningkatkan visibiliti, UNIMAS turut dinilai berdasarkan *Webometrics* yang melihat kepada kandungan web, visibiliti dan impak penerbitan web berdasarkan kepada sitasi (*citations*) yang diterima. Hari ini, *Webometrics* menilai lebih 12,000 universiti diseluruh dunia. Kedudukan UNIMAS dalam *Webometrics* telah meningkat pada tangga 1,710 pada peringkat antarabangsa dan ke tangga 16 di peringkat kebangsaan.



39. UNIMAS juga telah menunjukkan peningkatan bilangan *Principal Investigator* (PI) daripada 316 orang di tahun 2015 kepada 427 pada tahun 2016. Ini merupakan satu peningkatan yang memberansangkan kerana nisbah peratus PI staf akademik UNIMAS meningkat daripada 46% pada tahun 2015 kepada 61% berstatus PI pada tahun 2016.

40. Tahun 2016 turut menyaksikan UNIMAS sekali lagi berjaya melebihi pencapaian penetapan bilangan produk pengkomersilan yang disasarkan. UNIMAS mensasarkan dua produk, namun sehingga penghujung tahun 2016, Universiti telah berjaya mengkomersilkan enam produk baharu. Ini

telah menyumbang kepada jumlah pengkomersilan sebanyak RM965,120.00 pada tahun 2016.

41. Tahun lepas kita turut menyaksikan kerancangan aktiviti penyelidikan di kampus bertuah ini. Dalam bidang penyelidikan, UNIMAS telah berjaya memperoleh sejumlah peruntukan dana penyelidikan bernilai RM8,449,173.00 bagi tahun 2016 berbanding RM6,675,191.00 pada tahun 2015. Peningkatan sebanyak RM1,773,982.00 (+26.58%) ini turut memperlihatkan pertambahan bilangan geran penyelidikan UNIMAS yang didaftarkan, daripada 134 pada tahun 2015 kepada 213 geran pada tahun 2016. Selain itu, UNIMAS turut menerima 10 geran antarabangsa dengan jumlah

RM1,146,267 termasuk satu geran yang cukup berprestij dari *National Institute of Health, USA*.

42. UNIMAS juga telah mencipta kejayaannya yang tersendiri pada tahun 2016 apabila semua urusan permohonan geran-geran dalaman dan laporan kemajuan telah diproses secara atas talian dengan sokongan sepenuhnya daripada “*Integrated Research Information System*” (iRIS). Ini turut memantapkan proses pemantauan dan output penyelidikan di UNIMAS.

43. Secara kumulatif, UNIMAS Innovation telah memproses sebanyak 173 produk harta intelek dan daripada jumlah tersebut 96 produk telah difailkan

dan 77 lagi produk telah mendapat pendaftaran penuh.

44. Sepanjang tahun 2016 juga, staf akademik UNIMAS telah berjaya menerbitkan sebanyak 303 bahan terbitan makalah dalam jurnal berimpak dan berindeks.

45. Dalam bidang penerbitan buku, UNIMAS Publisher telah menerima 34 judul manuskrip terbitan ilmiah pada tahun 2016. Sepanjang tempoh tersebut, 28 judul buku diterbitkan berbanding hanya lapan judul buku pada tahun 2015, serta mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM 160,520.58. Selain itu, UNIMAS Publisher

telah berjaya menerbitkan sembilan jurnal, dua buah buku syarahan perdana, sebuah buku syarahan umum, dan sebuah buku khas.

46. Pada tahun ini, Universiti akan mewujudkan Unit Jurnal yang bertujuan untuk menggerak dan merencanakan lagi penerbitan jurnal dalam kalangan ahli akademik UNIMAS. Selain itu, semua format jurnal akan dilihat semula dan dikemas kini agar selari dengan standard dan keperluan sesebuah jurnal.

47. Dalam membantu menjamin kelestarian komuniti pelbagai dan terpisah atau “*Sustainability of Diverse and Dispersed Community*”, UNIMAS pada tahun lepas melalui kepakaran kumpulan

penyelidikinya, telah berjaya membina dua buah *Mikro Hydro* di Kampung Pa'Ramapoh, di Tanah Tinggi Bario dan Kampung Semulong Ulu, Lingga, Sri Aman. Kedua-dua projek ini masing-masing dibiayai oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta dilaksanakan oleh Pusat Tenaga Lestari dan Boleh Diperbaharui (CREN).

48. Disamping itu, kepakaran penyelidik UNIMAS turut digunakan dalam projek Tukun Tiruan di laut Sematan. Projek ini merupakan kerjasama UNIMAS, Bank Islam dan Jabatan Perikanan bagi menjamin kelestarian sumber perikanan di

perairan Sarawak.

49. Kekayaan flora dan fauna yang terdapat di kampus hijau ini, telah menarik minat *BBC Natural History Unit* untuk menjalankan penggambaran bagi cicak terbang species *Draco Sumatranus*, setelah proses konsultasi dengan salah seorang felo penyelidik UNIMAS, Prof. Dr Indraneil Das. Dokumentari ini mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan kerana rakaman dibuat di serata dunia dan UNIMAS adalah satu-satunya tempat di Malaysia yang terpilih menjadi lokasi penggambaran. Dokumentari ini telah ditayangkan pada 18 November 2016 dan boleh dilayari secara atas

talian (*online*).

50. Selain kerancangan iklim Penyelidikan & Inovasi yang kian menyerlah, kejayaan demi kejayaan yang ditempa oleh staf UNIMAS pada tahun lepas, amat membanggakan kita. Antaranya, kejayaan Saudara Chuah Kee Man, pensyarah dari Fakulti Pengajian Bahasa dan Pengajian Komunikasi yang telah dianugerahkan *Best e-Learning Facilitator Award* daripada *International University Carnival on e-Learning (IUCEL2016)*.

51. Selain itu, Dr Charles Bong Hin Joo, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan turut menerima Anugerah Buku Sains dan Teknologi Terbaik 2016 bagi



Kategori Buku Sains dan Teknologi Terbaik Pengajian Tinggi Tahun 2016 di Majlis Anugerah Buku Negara bersempena Ekspo Buku Malaysia, PWTC pada 14 Disember 2016. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

52. Tahun lepas juga kita turut menyaksikan kejayaan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) menempa nama dengan memenangi Anugerah "*Best Cinematography and People's Choice Award, BMW Shorties*".

53. Sumbangan Pusat Khidmat Maklumat Akademik @ CAIS kepada warga UNIMAS tidak dapat dinafikan. Sebagai khutub khanah utama

Universiti, CAIS pada tahun lepas telah berjaya mengimplementasikan “*CAIS OneSearch*” iaitu, satu sistem yang membolehkan pengguna mencari bahan UNIMAS dan di seluruh dunia melalui satu titik pencarian. Pembangunan “*CAIS One Search*” ini telah meningkatkan visibiliti koleksi UNIMAS dan para pengarang tempatan di pentas global.

54. Keterlibatan para pelajar dalam pelbagai program amat ketara pada tahun lepas dengan kejayaan mendapat pengiktirafan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa selari dengan lonjakan pertama PPPM(PT).

55. Pertamanya, kita berbangga dengan pencapaian graduan UNIMAS iaitu Dr Dhesi Baha Raja di peringkat antarabangsa. Pada tahun lepas beliau telah menerima pengiktirafan '*World Top 8 Young Health Innovators*' dari Harvard Universiti atas kejayaannya menghasilkan AIME (*Artificial Intelligence in Medical Epidemiology*), algoritma yang boleh meramal wabak denggi. AIME telah digunakan di Rio ketika Sukan Olimpik 2016 untuk mengenal pasti kawasan-kawasan '*hotspot*' pembiakan virus Zika. Inilah contoh *translational research* (penyelidikan yang memberi impak terus kepada masyarakat) dalam lonjakan ke-7 PPPM(PT) yang diberi penekanan oleh Menteri Pendidikan Tinggi dalam amanat beliau baru-baru

ini. Oleh yang demikian, Universiti akan menyahut cabaran YB Menteri Pendidikan Tinggi untuk menjadikan tahun 2017 sebagai tahun ‘Penyelidikan Translasional’ (*Translational Research*).

56. Penglibatan pelajar antarabangsa dalam mengharumkan nama UNIMAS turut membanggakan kita. Saudara Abdalla Hassan Gharib atau lebih mesra dikenali dengan nama ‘Abang Dollah’, telah muncul Johan Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2016 bagi kategori pelajar antarabangsa. Pelajar PhD dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat yang berasal

dari Tanzania ini, telah membawa pulang wang tunai RM20,000.00 serta Piala Pusingan.

57. Selain itu, selepas kejayaan penganjuran *Innovation, Career & Education (ICE)* 2015, program yang serupa turut diadakan pada 11-12 Mei 2016 dan akan dijenamakan semula sebagai *TRACE (Talent Recruitment and Career Exhibition)* bermula 2017, dan akan ditaja sepenuhnya oleh EPU SL1M yang dianggarkan berjumlah RM270 ribu. Pameran kerjaya terbesar ini, dikendalikan sepenuhnya oleh bakat-bakat muda UNIMAS yang berani dan dinamik dengan kerjasama Talentcorp dan PPP. Pameran selama dua hari itu telah disertai 60 industri serta dihadiri 1,500 orang

peserta.

58. Dalam merealisasikan hasrat untuk memberikan peluang pendidikan sama rata kepada semua lapisan masyarakat, UNIMAS sebagai pusat kecemerlangan ilmu di rantau ini telah menyahut seruan kerajaan untuk menjalankan Program B40. Program yang bermula pada Rancangan Malaysia Ke-10 telah mula ditawarkan di UNIMAS pada sesi 2013/2014. Sepanjang tempoh pelaksanaan program ini, UNIMAS telah menawarkan tempat kepada 463 orang pelajar dan 70 orang daripadanya telah bergraduat. Keupayaan kita menjalankan program B40, telah menambah keyakinan masyarakat dengan peningkatan

jumlah pengambilan pelajar daripada 85 orang pada Sesi 2015/2016 kepada 119 orang pelajar bagi sesi 2016/2017.

59. Keunikan Sarawak yang kaya dengan kepelbagaian budaya, menjadi nadi penggerak kepada program-program kesenian dan kebudayaan di UNIMAS. Kejayaan Badan Budaya UNIMAS (BAYU) mendapat tempat ketiga dari 17 buah negara yang bertanding di *Cheonan World Dance Festival* di Korea Selatan telah mengharumkan nama UNIMAS, Sarawak dan Malaysia di pentas dunia.

60. Aspek keterlibatan industri turut diberi perhatian, dalam usaha kita melahirkan graduan holistik dan berdaya maju bagi memenuhi tuntutan pasaran dunia pekerjaan. Tahun lepas, kita telah mendapat pengiktirafan sebagai Pusat Pembangunan Kerjaya Terbaik daripada Talentcorp Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi dan rakan-rakan industri yang prihatin akan dedikasi dan komitmen Universiti, untuk memastikan graduannya, mempunyai ciri-ciri yang berpadanan, dengan keperluan kerjaya masa kini.

61. Saban tahun, Universiti menjalinkan kerjasama dengan pelbagai Universiti dan agensi dari dalam dan luar negara. Jalinan hubungan secara rasmi



ini memberi banyak peluang kepada warga  
Universiti untuk mengembangkan potensi diri  
dalam pendidikan, perundingan dan penyelidikan.

62. Sehingga Disember tahun lepas, UNIMAS telah  
memeterai empat perjanjian persefahaman (MoU)  
dan lapan MoA yang melibatkan enam buah  
negara dan 12 institusi dan Universiti terpilih di  
seluruh dunia. Selain itu, UNIMAS juga telah  
memeterai 48 perjanjian persefahaman (MoU) dan  
13 memorandum perjanjian (MoA) dan 20  
memorandum perjanjian (MoA) dengan industri,  
sama ada dari dalam dan luar negara.

63. Selain itu, Universiti amat menggalakkan program mobiliti pelajar, untuk memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar UNIMAS, dan juga membuka ruang untuk pelajar antarabangsa, mendapat pengalaman *first-hand* belajar di kampus indah ini. Tahun lepas kita telah menerima 145 pelajar antarabangsa dari 10 buah negara di seluruh dunia. Manakala, seramai 48 pelajar UNIMAS telah menimba pengalaman baharu di 17 buah universiti di sembilan buah negara.

64. UNIMAS Business School yang ditubuhkan pada tahun 2015 telah mula menampakkan hasil. Pada tahun lepas, UBS telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM1.3 juta daripada program CMBA,

MSc HRD dan kursus-kursus jangka pendek. Sebahagian daripada keuntungan tersebut telah diagihkan sebanyak RM500,000 kepada Tabung Endowmen UNIMAS, dan RM282,433.21 diagihkan kepada FEB dan FSKPM. Manakala selebihnya adalah untuk tujuan pengembangan operasi UBS.

65. Tahun lepas UNIMAS telah diberi penghormatan oleh kerajaan Malaysia apabila terpilih menjadi tuan rumah dan perkampungan sukan (*Game Village*), bagi SUKMA Sarawak ke-18, penganjuran Sukan Paralimpiad Malaysia dan *9th Malaysia Thailand Annual Varsity Games*.

66. Disamping itu, pada tahun lepas kita juga turut serta dalam *World Quran Hour 2016* dan UNIMAS menjadi penganjur pertama program tersebut di Borneo. Program ini bertujuan sebagai pemangkin terbesar untuk menyatukan seluruh umat Islam sedunia di bawah lembayung Al-Quran tanpa mengira bangsa, negara serta pangkat dan keturunan.

67. Dalam memastikan Universiti terus relevan sebagai pusat kecemerlangan ilmu bagi pelajar di Sarawak, satu program sekolah angkat mula diperkenalkan pada tahun lepas. Kolej Tingkatan 6 Saratok telah menjadi sekolah angkat pertama UNIMAS secara rasmi pada 27 Februari 2016.

Insyallah, pada tahun ini, kita sedang merancang untuk menjadikan SMK Bekenu, Miri, sebagai sekolah angkat kedua UNIMAS.

68. Selepas diumumkan dalam amanat tahun lepas, Universiti mula bergerak untuk mendapatkan sumber kewangan tambahan melalui program endowmen, wakaf dan tabung bagi menyokong program-program pelajar yang memerlukan bantuan kewangan, penyelidikan yang dijalankan fakulti serta aktiviti-aktiviti lain yang penting bagi mencapai objektif UNIMAS. Pemerkasaan program endowmen ini adalah selari dengan lonjakan kelima PPPM (PT) iaitu kemampanan kewangan. Hasil daripada inisiatif tersebut, tahun lepas

Universiti telah berjaya mengumpul sejumlah dana iaitu sebanyak RM4 juta di bawah program endowmen, wakaf dan Tabung UNIMAS. Dalam Amanat Menteri Pendidikan Tinggi yang lepas, UNIMAS turut disenaraikan antara tujuh universiti penerima wakaf tertinggi di Malaysia.

## **#PELAN STRATEGIK UNIMAS**

69. Tahun 2016 merupakan fasa pertama kita melaksanakan Pelan Strategik UNIMAS 2016-2020. Dalam pelan strategik yang lepas, Universiti telah mengariskan 43 *Key Performance Indicator* (KPI), empat fokus strategik dan 13 komitmen.

70. Bagi memantapkan lagi Pelan Strategik UNIMAS, beberapa siri perbincangan dan bengkel pemurnian telah diadakan bagi menilai dan menstruktur semula semua perancangan agar seiring dengan keperluan semasa dan masa hadapan. Bermula pada tahun ini, kita telah membuat semakan dan akan menumpukan perhatian kepada 30 KPI, empat fokus strategik dan 12 komitmen. Perubahan dan pemantapan ini adalah sejajar dengan KPI yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi serta memenuhi keperluan instrument pengukuran KPT yang berkaitan seperti MyRA.

71. Penstrukturan semula KPI ini, turut melibatkan perubahan besar dalam struktur pentadbiran Universiti terutamanya di fakulti sejajar dengan lonjakan PPPM (PT). Bermula 1 Mac 2017, Universiti akan memantapkan fungsi serta tanggungjawab jawatan Timbalan Dekan di setiap Fakulti dengan pengwujudan jawatan-jawatan berikut:

Timbalan Dekan (Prasiswazah) akan memberi fokus kepada pembangunan dan pelaksanaan program akademik prasiswazah; Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Siswazah) bertanggungjawab terhadap aktiviti penyelidikan dan pembangunan program siswazah; serta menambah dua jawatan



baharu iaitu Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang akan dipertanggungjawabkan untuk program pembangunan dan pemajuan hal ehwal pelajar dan alumni; dan Timbalan Dekan (Keterlibatan Industri dan Komuniti serta Pengkomersilan) akan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan keterlibatan industri dan komuniti serta pengkomersilan.

## 72. Penstrukturan semula fungsi dan tanggungjawab

Timbalan Dekan ini akan mengambil alih fungsi Ketua-Ketua Jabatan yang sedia ada di Fakulti. Namun begitu, atas keperluan pengkhususan dalam bidang perubatan dan kejuruteraan, jabatan-jabatan yang sedia ada di FPSK dan FK

akan dikekalkan.

73. Perubahan ini bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan sumber serta mewujudkan semangat keserakanan yang lebih baik dan berkesan serta tidak dibataskan oleh struktur Jabatan. Fakulti akan mewujudkan kumpulan teras penyelidikan yang bersifat dinamik dan dibentuk mengikut keperluan semasa serta mengumpul kepakaran merentasi disiplin di setiap Fakulti.

74. Lanjutan daripada itu juga, Pejabat TNC Penyelidikan dan Inovasi akan melihat pengwujudan Kluster Penyelidikan berorientasikan multidisiplin di peringkat

Universiti, yang boleh menjadi platform signifikan bagi penyelidikan berimpak besar serta memerlukan penglibatan staf dari pelbagai disiplin yang berbeza.

75. Sejajar dengan visi UNIMAS untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang pengajaran, pada tahun ini, *UNIMAS Fellowship of Teaching and Learning Advancement* (UNIMAS FoTL) akan diwujudkan di bawah Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia (CALM). UNIMAS FoTL bertujuan untuk menyediakan satu platform bagi perkongsian pengetahuan baharu dan kepakaran dalam bidang pengajaran-pembelajaran; mewujudkan kolaborasi antara para akademik

daripada pelbagai fakulti/pusat dalam pencarian penyelesaian bagi pelbagai cabaran pengajaran-pembelajaran; menghubungkan para akademik dengan pihak pengurusan unversiti dalam hal pengajaran-pembelajaran; serta mengiktiraf para akademik yang menunjukkan komitmen tinggi dalam meningkatkan kualiti pengajaran-pembelajaran di UNIMAS.

76. Seajar dengan kehendak pembelajaran abad ke-21, UNIMAS juga komited dalam memantapkan sistem e-pembelajaran sedia ada bagi memastikan pembelajaran teradun dapat dilaksanakan dengan berkesan dan menyeluruh. Pada suku ke-3 tahun ini, sistem e-pembelajaran sedia ada yang dikenali

sebagai Morpheus akan dijenamakan semula sebagai *e-Learning Enrichment and Advancement Platform* (UNIMAS eLEAP). Diharap sistem baharu ini dapat menjadi pemangkin dalam memacu UNIMAS sebagai pelopor utama dalam pendidikan fleksibel dan teradun.

77. Dalam *Strategic Focus 2, Excellence in Innovation Ecosystem*, Universiti akan mewujudkan inisiatif baharu dalam menjalinkan kerjasama yang lebih mantap dengan pihak industri serta juga melaksanakan program yang lebih berkesan bersama komuniti. Justeru, Bahagian Keterlibatan Industri & Komuniti akan diletak di bawah tanggungjawab Timbalan Naib Canselor

Penyelidikan dan Inovasi.

78. Secara tradisinya Bahagian Canselori memainkan peranan yang besar dan penting dalam aspek publisiti, media, identiti dan imej koporat Universiti, hubungan luar, pengurusan promosi dan protokol, serta penganjuran program dan berkait rapat dengan komitmen yang terkandung dalam *Strategic Focus 3, Global Visiblity & Prominence*. Disamping itu, UNIMAS International, berperanan dalam mempromosi Universiti serta membina jalinan strategik di peringkat antarabangsa. Untuk memastikan visibiliti dan keunggulan UNIMAS di peringkat global sentiasa pada tahap yang tinggi, Universiti akan menggabungkan Bahagian Hal Ehwal

Antarabangsa dan Bahagian Canselori dengan mewujudkan Pejabat Canselori dan Hubungan Antarabangsa atau singkatan dalam Bahasa Inggeris *UNIMAS GLOBAL*.

79. Manakala, bagi *Strategic Focus 4, Sustainable Financial Portfolio*, Universiti akan mewujudkan unit yang akan diletakkan di bawah Canselori. Unit Endowmen ini akan menguruskan Tabung Endowmen UNIMAS dan Tabung Endowmen Alumni UNIMAS.

## #HALA TUJU 2017

**Orang Melaka datang bertamu,  
Bertamu dia di hujung laman,  
Pentas hidup pentingnya ilmu,  
Tanamkan usaha pada keazaman.**

80. Institusi Pengajian Tinggi tidak akan dihormati oleh masyarakatnya, jika ia tidak bertindak 'mendahului zamannya'. Dalam konteks ini, Universiti perlu terus memandang ke hadapan, mencari peluang dan mengejar impian. Warga Universiti perlu memikirkan idea, konsep dan inovasi yang perlu diterokai, dibangunkan untuk keperluan masyarakat pada masa akan datang.



81. Selaras dengan *Sustainable Development Goals* yang telah dilancarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), serta selari dengan tema Pelan Strategik Universiti, UNIMAS berhasrat untuk bergerak ke arah pengisytiharan kampus UNIMAS sebagai Kampus Rendah Karbon atau *Low Carbon Campus* (LCC). LCC yang ditakrif sebagai kampus yang membudayakan penggunaan teknologi hijau, amalan hijau dan yang secara relatifnya mengeluarkan karbon yang rendah jika dibandingkan dengan amalan sekarang. Kajian *Emission Baselines and Opportunities* sedang dilakukan oleh Pasukan *Taskforce* dari FK, FSTS dan Pejabat Pembangunan khusus untuk mengkaji aspek persekitaran, pengangkutan, infrastruktur

dan bangunan. Antara strategi untuk mengurangkan karbon di UNIMAS adalah penggunaan tenaga elektrik yang efisien dan optimum, menggalakkan staf dan pelajar untuk berkongsi kenderaan dan penggunaan basikal dalam zon atau kawasan yang akan dikenal pasti nanti.

82. Dalam memantapkan sistem penyampaian maklumat di Universiti, bermula 1 Februari tahun ini, UNIMAS akan migrasi sepenuhnya emel Lotus Notes ke Microsoft Office 365. Antara kelebihannya, saiz kuota emel yang jauh lebih besar iaitu 50GB, penggunaan single ID, persidangan atas talian menggunakan Skype dan

kosnya adalah percuma.

83. Selain itu, Universiti turut menjenamakan semula sistem kewangan MyFIS ke MyFAS yang lebih mesra pengguna dan memenuhi piawaian *Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA Compliance)*.

84. Dalam usaha mempelbagaikan sumber pendapatan serta mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada, pada tahun ini, Pusat Sukan UNIMAS akan dinaik taraf menjadi sebuah Pusat Tanggungjawab. Perubahan ini bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan kemudahan sukan bertaraf antarabangsa yang terdapat di UNIMAS,

kepada masyarakat luar khususnya badan-badan sukan, badan bukan kerajaan dan swasta agar juga dapat membantu dalam penjanaaan pendapatan Universiti. Oleh itu, Pusat Sukan UNIMAS perlu mempertingkatkan strategi pemasaran dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan yang terdapat di pusat tersebut. Walau bagaimanapun, aktiviti sukan yang melibatkan staf dan pelajar perlu dipupuk dari semasa ke semasa supaya budaya sukan dalam kehidupan dapat disemai dalam kalangan warga UNIMAS.

85. Dalam memacu kegemilangan Universiti, proses dalaman perlu diperkukuh dan diperkasakan bagi tujuan memantapkan aspek pengurusan dan pembangunan sumber manusia agar selari dengan tuntutan masa kini.

86. Selari dengan keperluan semasa serta tuntutan pendidikan masa kini, UNIMAS telah mengambil inisiatif untuk menawarkan *flexible education* yang bercirikan konsep 3 tahun di Universiti dan 1 tahun di industri atau dikenali sebagai 3U 1i. Dua buah program telah dikenal pasti iaitu Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dan Sarjana Muda Seni Gunaan (Muzik). Penawaran program ini sebagai menyahut saranan Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri Malaysia dalam dialog TN50 yang diadakan pada minggu lepas.

87. Dalam amanat saya pada tahun lepas, saya telah mengumumkan penawaran program baharu iaitu Sarjana Muda Arkitektur, sukacitanya saya mengumumkan di sini penawaran Program Seni Bina di Fakulti Kejuruteraan telahpun diluluskan oleh badan Professional berkaitan serta MQA, dan menunggu kelulusan formal dari Jabatan Pendidikan Tinggi untuk kita tawarkan bermula September 2017. Sehubungan itu, Jabatan Arkitektur akan di wujudkan di Fakulti Kejuruteraan sebagai persediaan, untuk memulakan pengambilan pelajar pada sesi

pengajian 2017/2018. Pada masa yang sama, perancangan untuk menubuhkan Fakulti Alam Bina, Fakulti kesepuluh di UNIMAS, akan dilaksanakan selewat-lewatnya pada penghujung tahun ini.

88. Selaras dengan aspirasi untuk melahirkan graduan holistik, keusahawanan dan seimbang, UNIMAS telah menggariskan komitmen kepada kemahiran insaniah dan keusahawanan pelajar. Ini adalah untuk memenuhi tuntutan industri yang mahu Universiti melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap berikutan perkembangan teknologi yang mengubah bentuk industri dan jenis pekerjaan

yang ditawarkan.

89. Sehubungan itu, pelbagai program pembangunan pelajar telah dirangka sama ada di peringkat Universiti mahupun kerajaan. Terkini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan program One SSM bagi pelajar yang ingin mendaftarkan perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1957 dan dikecualikan daripada sebarang bayaran berkuat kuasa 1 Januari 2017. Program ini bertujuan untuk menggalakkan graduan untuk menceburi bidang perniagaan selepas tamat pengajian sesuai dengan lonjakan pertama PPPM (PT).



90. Bagi memacu iklim penyelidikan dan inovasi di UNIMAS, pada tahun ini kita bakal menganjurkan Persidangan Jubli Perak (*UNIMAS Silver Jubilee Conference*) sempena 25 tahun penubuhan UNIMAS.

91. Disamping itu, UNIMAS bakal meraikan ulang tahun ke-20 ekspedisi penyelidikan ke Bario yang pertama kalinya diadakan pada tahun 1996. Projek eBario merupakan satu program yang signifikan, dalam memelihara budaya dan tradisi masyarakat pribumi di tanah tinggi Kelabit, dan pada masa yang sama mengadaptasi kepesatan teknologi maklumat dalam kehidupan mereka. Melalui projek ini, masyarakat di Bario dapat berhubung

dengan masyarakat dunia, serta dapat berkongsi dan mempromosikan kekayaan budaya dan keindahan muka bumi yang terdapat di Bario. Projek ini turut mendapat pengiktirafan di peringkat global, apabila berjaya memenangi anugerah *Best Global Telecentre Innovation Awards* di Granada, Spain pada tahun 2013.

92. Program ini yang asalnya bermula dengan hasrat untuk membantu masyarakat setempat, mengadaptasi teknologi maklumat dan komunikasi bagi merangsang pembangunan di pingir-pinggir bandar dan masyarakat luar bandar, khususnya di Bario. Kejayaan e-Bario serta pelbagai pengiktirafan yang diterima oleh Universiti

mencerminkan bahawa projek telecentre ini telah menjadi penanda aras yang tinggi dan berupaya menjadi panduan untuk diguna pakai di seluruh dunia. Pada tahun ini, UNIMAS bakal menyerahkan 2 telecentre serupa di Kuala Lipis, Pahang dan 2 lagi telecentre di Gua Musang, Kelantan.

93. Dalam keadaan ekonomi semasa, Universiti menerima ketentuan bahawa bantuan kerajaan bukan lagi satu kelebihan. Tentunya ini memberi kesan kepada Universiti yang selama ini bergantung kepada dana awam untuk kesinambungan, termasuk UNIMAS. Justeru, bermula tahun ini, UNIMAS akan

memperhebatkan lagi program wakaf dan endowmen bagi menjana pendapatan Universiti. Pihak Majlis Agama Islam Sarawak pada dasarnya telah bersetuju dan akan memberi status mutawalli kepada UNIMAS untuk menerima sumbangan wakaf daripada orang ramai dan pihak swasta.

94. Usaha untuk memperkasakan sumber manusia akan terus diberi keutamaan untuk melahirkan modal insan kelas pertama. Kekangan sumber kewangan yang dihadapi oleh kebanyakan agensi kerajaan kini, telah menyebabkan keperluan tujuh hari latihan wajib dimansuhkan oleh JPA. Namun begitu, Universiti melalui sumber dan kepakaran

sedia ada, akan memurnikan semula keperluan latihan kepada warga UNIMAS, agar dapat membangunkan potensi modal insan seperti yang digariskan dalam UNIMAS HR Blueprint. Justeru, bermula pada tahun ini, HR Blueprint yang telah dilancarkan pada tahun lepas akan dikuatkuasakan secara menyeluruh dan bersepadu. Selain itu, UNIMAS akan menstrukturkan semula *Global Outreach Program* agar memenuhi keperluan dan kehendak Universiti serta memberi impak kepada staff yang terlibat dan juga organisasi.

95. Untuk memastikan UNIMAS terus berdiri teguh dalam keadaan sumber kewangan yang terbatas, Universiti tetap komited dalam menjaga kesihatan dan kebajikan warga UNIMAS. Pusat Kesihatan UNIMAS yang kini diletak di bawah Pusat Khidmat Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, akan dinaik taraf menjadi sebuah Pusat Tanggungjawab sejajar dengan peranan baharu serta lebih besar yang telah diberikan, termasuk aspek penjanaaan pendapatan.

96. Disamping itu, bagi memenuhi keperluan penjagaan kesihatan dan penjagaan harian di Kota Samarahan, Universiti turut membangunkan projek Pusat Kesihatan Prima (*Primary Health*

*Care Centre*) dan Pusat Jagaan Harian (*Day Care Centre*) di bawah kendalian Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang menelan kos sebanyak RM80 juta. Kedua-dua pusat ini akan dibina bersebelahan pintu masuk utama UNIMAS dan dijangka akan bermula pada Mac 2017.

97. Universiti juga telah bersetuju untuk membina Bangunan Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang bernilai RM10 juta. Pembinaan bangunan ini akan memantapkan dan meningkatkan mutu perkhidmatan ICT di UNIMAS bagi menyokong sistem pendidikan abad ke-21 yang amat bergantung kepada kecanggihan

dan kepantasan teknologi dunia. Di dalam kita memastikan infrastruktur dan pengurusan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi yang cekap, PKTMK telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan infostruktur ICT, membangun sistem-sistem aplikasi pengurusan, memberi khidmat sokongan teknikal, dan mengendali program latihan dan pembangunan staf teknikal ICT. Sehubungan dengan itu juga, sukacita saya mengumumkan penjenamaan semula CICTS atau PKTMK kepada Pusat Pembangunan dan Khidmat Teknologi Maklumat (PPKTM). Centre for Information Technology Development Services (CITDS)



98. Kini, PKTMK mempunyai pegawai serta staf sokongan teknologi maklumat yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam pembangunan perisian dan aplikasi. Beberapa hasil pembangunan perisian tersebut telah digunakan oleh Universiti sama ada dalam pentadbiran, penyelidikan dan juga pengajaran dan pembelajaran. Ini merupakan pencapaian yang signifikan dan kekuatan ini perlu diperluaskan dan digunakan sama di peringkat fakulti dan juga institut di UNIMAS, sebagai salah satu sistem pembangunan produk yang mempunyai potensi untuk dikomersilkan.

99. Melihat kepada kekuatan, peluang serta permintaan yang tinggi di fakulti, institut dan pasaran terbuka berkaitan dengan pembangunan perisian dan aplikasi, maka, di sini, UNIMAS perlu melangkah terus ke hadapan dengan melakar satu lagi transformasi pengurusan pusat yang sedia ada. Transformasi ini dilihat dapat memantapkan serta merapatkan lagi jurang di antara pusat sedia ada dengan potensi *stakeholders* sama ada di peringkat UNIMAS dan juga pihak industri.

**Jambatan Cinta cantik dan indah,  
Tempat mengukir segala kenangan,  
Segala perancangan tersurat sudah,  
Semoga dilaksanakan dengan kesungguhan.**

## #DOA DAN HARAPAN

100. Dewasa ini, sering ditekankan berkenaan penjawat awam dan integriti. Namun, ada ketikanya dalam sudut pekerjaan dan perkhidmatan, kita perlu berbicara melangkaui konsep dan amalan integriti yang fokusnya adalah *human-centric*. Ihsan, yang fokusnya lebih kepada *God-centric*, sebagai suatu mekanisme untuk seseorang staf melaksanakan tugas dan amanah dengan beretika dan berintegriti, di samping memahami bahawa setiap tindak lakunya sentiasa dalam perhatian Tuhan Maha Melihat.

101. Ini sesuai dengan hadis Nabi SAW Riwayat Muslim yang bermaksud:

**Nabi Muhammad SAW ditanya apakah Ihsan? Baginda menjawab, “Hendaklah engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihatNya. Walaupun engkau tidak melihatNya, sesungguhnya Dia melihatmu.”**

102. Bagi seorang akademik, ihsan dalam pengajaran dan pembelajaran, ihsan dalam penyelidikan dan pembangunan, ihsan dalam penerbitan dan penulisan malahan ihsan dalam keterlibatan industri dan kemasyarakatan.

103. Bagi seorang pengurusan dan professional, ihsan dalam urusan pentadbiran, manakala bagi kumpulan pelaksana, ihsan dengan tugas dan amanah yang diberikan.

104. Kesimpulannya, ihsan sebagai aspirasi spiritual (yang mengharapkan keredhaan Tuhan), kewajaran tingkah laku (berbuat kebaikan kepada semua) dan kecemerlangan dalam tindakan (berbuat sesuatu dengan penuh kesempurnaan dan kecemerlangan). Semoga kita semua tergolong dalam kalangan insan yang mengamalkan konsep ihsan.

105. Marilah kita menetapkan **akhlak dan ihsan** sebagai komponen utama bagi mercu tanda kejayaan sesebuah organisasi keilmuan seperti UNIMAS, dalam melaksanakan proses kemajuan dan pembangunan, seterusnya menghidupkan ekosistem yang harmoni dan penuh dengan keberkatan.

106. Walaupun beberapa transformasi struktural dan pengwujudan fungsi dan tanggungjawab baharu yang diperkenalkan, ia tidak akan berjaya selagi tiada perubahan set minda (*mindset*) dalam pelaksanaan tugas kita, peranan kepimpinan yang berkesan, pemikiran yang strategik dan transformasional dan yang lebih utama aspek

berkerja secara berpasukan sangat penting dalam memastikan kejayaan kita.

107. Doa dan harapan saya juga, semoga kehadiran kita di sini diberkati Allah, dan semoga ikatan ukhwah kita sebagai warga UNIMASku Sayang, akan terus berkekalan dan bersimpul rapi, untuk kita bersama-sama meneruskan perjuangan dengan penuh keikhlasan dan kesungguhan, demi Universiti yang tercinta ini.

**Mudik ke hilir ke Kampung Boyan,  
Singgah membeli buah durian,  
Warga berintergriti satu keperluan,  
Akhlak terpuji menjadi sanjungan.**

**Hajat di hati mencari rotan,  
Rotan melilit di tepi hutan,  
Jujur dan ihsan jadi tuntutan,  
Jadi pegangan menjulang kecemerlangan.**

Sekian,

**Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warrahmatullahi Wabarakatuh**